

28/08/1999

UTMara: Jangan abaikan kursus diploma

Syuhada Choo Abdullah

KEPUTUSAN kerajaan untuk menaikkan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) menjadi Universiti Teknologi Mara (UTMara) membuktikan kemampuannya berperanan setaraf dengan universiti lain.

Bekas Pengarah ITM, Tan Sri Arshad Ayub, berkata langkah itu akan memantapkan lagi kedudukan serta imej institusi berkenaan dalam arena pendidikan negara.

Sambil menegaskan ITM memang perlu meneruskan pelaksanaan program diploma selepas menjadi UTMara, beliau berkata, ada beberapa langkah yang boleh diambil oleh institut berkenaan untuk terus maju, unggul serta berdaya saing pada masa depan.

Beliau yang pertama dilantik sebagai pengarah ITM berkata, institut itu harus melaksanakan kepimpinan dan juga pentadbiran yang berteraskan perkongsian kerana langkah itu adalah pendekatan terbaik membentuk masa depan institut berkenaan.

Selain itu, katanya, ITM juga perlu memperluaskan pandangan pelajar dan mencabar mereka untuk mempertingkatkan cita-cita ke tahap kecemerlangan pencapaian akademik tertinggi, serta mengamanahkan golongan berkenaan mencari kejayaan profesional.

"Sehubungan itu, kita perlu menyediakan pelajar kita dengan persekitaran kampus yang pelbagai dan bertenaga.

"Bagaimanapun paling penting ialah minda pelajar, kerana jika mereka gagal mencapai prestasi yang bagus, jangan menyalahkan pihak lain tetapi salahkan diri sendiri.

"Kejayaan hanya boleh dicapai daripada kerja yang kuat kerana tiada jalan pintas ke arah kejayaan," katanya ketika dihubungi Berita Harian, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengadakan pertemuan dengan 15,000 pelajar, tenaga pengajar dan bekas pelajar ITM di Shah Alam, kelmarin, mengumumkan kenaikan taraf ITM menjadi UTMara.

Menurut Dr Mahathir, perkara itu sudah ditangguh terlalu lama sedangkan ITM kini berkembang pesat dan melahirkan ramai siswazah yang cemerlang serta memainkan fungsi penting dalam pembangunan negara.

ITM yang berasal daripada Dewan Latihan Perbadanan Pembangunan Industri Luar Bandar pada 1956, diberi kelulusan menawarkan kursus pada peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD sejajar dengan pindaan Akta ITM 1976 pada 1996.

Sementara itu tokoh pendidikan negara, Tan Sri Dr Awang Had Salleh, pula berpendapat pengumuman berkenaan memenuhi aspirasi alumni dan keseluruhan warga ITM, termasuk pelajar dan pensyarahnya.

"Bagaimanapun seperti pesanan Perdana Menteri, penawaran kursus diploma jangan diabaikan selepas ITM menjadi UTMara kelak kerana program itu penting dan perlu diteruskan," katanya.

(END)